



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI**

"BERSAMA RAIKAN AIDILFITRI"

**PADA
27 JULAI 2014 (ISNIN)**

NEXUS HALL, BANGSAR SOUTH CITY

SALUTASI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara/i Pengacara Majlis;

.....

Tuan-Tuan, Puan-Puan yang diraikan sekalian

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita dapat bertemu lagi di bulan Syawal yang mulia dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini dan juga kepada seluruh warga kerja Kementerian Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertungkus lumus untuk menjayakan majlis hari ini.
3. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, Maaf Zahir dan Batin. Setelah sebulan berpuasa

menahan lapar dan dahaga, hari ini kita raikan dengan penuh kesyukuran, dan sambutan Hari Raya peringkat Kementerian dengan meraikan golongan sasar serta tetamu-tetamu jemputan terus kita meriahkan pada hari ini 11 Syawal.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

“Bersama Raikan Aidilfitri”

4. Pemilihan tema sambutan aidilfitri pada kali ini iaitu Bersama Raikan Aidilfitri merupakan perlambangan kita semua bersatu hati, bergembira, bersua muka, bermaaf-maafan sambil menikmati juadah yang dihidangkan. Ia adalah seiring dengan penjenamaan semula KPWKM baru-baru ini antaranya dengan memperkenalkan logo baharu yang mencerminkan sifat serta komponen dalam Kementerian yang penuh karisma, penuh harmoni serta dinamik dalam setiap gerak kerja yang dipertanggungjawabkan.

5. Kelopak bunga yang pelbagai warna dan berbentuk manusia melambangkan masyarakat majmuk sebagai satu keluarga besar yang ceria di Malaysia dan saling berganding bahu. Begitu juga dengan setiap perayaan yang disambut dinegara ini, di mana semua bangsa bersama-sama menyambut dan berkongsi kegembiraan tidak kira agama, bangsa dan keturunan.

6. Lapan kelopak bunga kecil menggambarkan 8 golongan sasar Kementerian serta kelopak besar yang menggambarkan sokongan Kementerian kepada keseluruhan golongan sasar ini. Kelopak ungu bercantum dengan tangkai bunga memberi maksud wanita sebagai tunjang dan akar umbi dalam sesebuah institusi sama ada keluarga, masyarakat, Kementerian mahupun Negara.
7. Kita sedang memasuki fasa pembangunan lima tahun terakhir sebelum mencapai status negara maju menjelang 2020. Seiring dengan *tagline* baharu KPWKM, Keluarga Bahagia Negara Sejahtera, kementerian sentiasa berusaha untuk membantu kumpulan sasar dengan pelbagai bantuan yang disalurkan agar dapat menyambut syawal bersama-sama ahli keluarga tercinta.
8. Mana yang susah, kita senangkan, mana yang berat kita ringankan. Semoga bantuan-bantuan yang disalurkan memberi manfaat dan kegembiraan kepada semua yang menerimanya. Hari ini kita berkumpul untuk saling bermaaf-maafan, semoga syawal ini memberikan sinar baru kepada semua terumatanya kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
9. Dalam pada kita sibuk bergembira meraikan kbulan syawal, mengunjungi rakan-rakan, sanak saudara jangan pula kita lupa saudara kita yang berada di pusat-pusat jagaan, rumah anak-anak yatim, dan juga mereka yang hidup serba kekurangan. Marilah kita sama-sama mengunjungi dan menghulurkan bantuan, jika tidak

banyak, sedikit pun sudah memadai untuk meringankan apa yang sedang ditanggung.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

10. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga kerja KPWKM yang berkerja keras menjayakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri tahun ini. Saya dan seluruh ahli keluarga sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir Batin kepada semua warga KPWKM dan semua tetamu-tetamu jemputan serta wakil-wakil media.

Sungguh cantik si rama-rama,
Hinggap seekor di depan mata,
Kini syawal telah menjelma,
Tangan ku hulurkan maaf kupinta.

Sungguh rendang pohon rumbia
Tempat persinggahan si anak kera
Ketupat rendang sudah tersedia
Jemputlah semua menjamu selera

Sekian, terima kasih. *Wabillahittaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*